

## FATWA ANAK TAK SAHTARAF



### ENAKMEN MUFTI DAN FATWA (KEDAH DARUL AMAN) 2008 PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 24

#### **FATWA ANAK TAK SAHTARAF**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 23 dan 24, Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 10 Tahun 2008*]; Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyarkan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

#### **JADUAL**

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 26 Julai 2020, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

##### **1. Anak tak sahtaraf mengikut hukum Syarak ialah;**

- (i) Anak yang dilahirkan bukan daripada pernikahan yang sah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan;
- (ii) Anak yang dilahirkan kurang dari 6 bulan 2 saat (*lahzah qamariah* dari waktu “*imkan ad-dukhul*”; dan
- (iii) Anak yang dilahirkan lebih dari 6 bulan 2 saat (*lahzah qamariah* dari waktu “*imkan ad-dukhul*” selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut adalah anak luar nikah melalui pengakuan (*iqrar*) mereka yang berkenaan (sama ada suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya).

## **2. Penamaan anak tak sahtaraf;**

- (i) Anak tak sahtaraf hendaklah di “bin” atau di “binti” kepada “Abdullah” atau salah satu daripada nama-nama Allah (*Asmaul Husna*) dengan penambahan “Abdul” seperti Abdul Rahman, Abdul Qadir, Abdul Muhammin dan lain-lain;
- (ii) Tidak dibenar nama anak tak sahtaraf itu tanpa perkataan di “bin” atau di “binti”;
- (iii) Anak tak sahtaraf tidak boleh di “bin” atau di “binti” kepada bapa biologi yang menyebabkan kehamilan anak tak sahtaraf itu atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut; dan
- (iv) Sekiranya bapa biologi bernama Abdullah atau salah satu daripada nama-nama Allah (*Asmaul Husna*), maka anak tak sahtaraf itu hendaklah di “bin” atau di “binti” kepada nama-nama Allah (*Asmaul Husna*) yang lain selain daripada nama bapa biologi tersebut.

## **3. Kesan anak tak sahtaraf;**

- (i) Syarak hanya mengiktiraf sabit anak tak sahtaraf hanya di sebelah ibunya (ke atas dan ke bawah) sahaja. Oleh itu, mereka menjadi mahram, boleh mewarisi serta tertanggung hak nafkah dan *hadhanah* antara satu sama lain; dan
- (ii) Jika bapa biologi berkahwin dengan ibu kepada anak tak sahtaraf dan sabit persetubuhan, maka;
  - (a) hubungan bapa biologi dengan anak tak sahtaraf itu adalah seperti hubungan bapa tiri dengan anak tiri dan mereka adalah mahram;
  - (b) bapa biologi itu tidak boleh menjadi wali kepada anak tak sahtaraf tersebut; dan
  - (c) bapa biologi dan anak tak sahtaraf itu tidak berhak mewarisi harta pusaka antara satu sama lain.

**4. Kesalahan;**

Mana-mana orang yang tidak mematuhi Perkara di perenggan 2 (i), (ii), (iii) dan (iv) adalah menjadi suatu kesalahan melanggar fatwa.

**5. Pemansuhan;**

Fatwa mengenai “ANAK TAK SAHTARAF” yang telah disiarkan melalui *Warta* No. 506. Jil. 54 No.13 Tahun 2011 bertarikh 23 Jun 2011 dengan ini dimansuhkan.

*[ ( 73 ) dlm.JMNK(F)603 Jld. 2; PUN(KD) 600-1/5/3(4)]*

*Tarikh Warta : 1 April 2021*

*Tarikh Keputusan : 26 Julai 2020*